



## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Debit AmBank. Pastikan anda juga membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit AmBank. Anda diingatkan untuk sentiasa mencari dan mendapatkan nasihat guaman anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil AmBank (M) Berhad yang berkuasa sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am yang dinyatakan di sini.

AmBank (M) Berhad

Kad Debit AmBank ("Kad Debit"):

- Kad Debit Mastercard AmBank
- Kad Debit Mastercard TRUE By AmBank

Terakhir dikemas kini: 15 Jun 2021

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kad Debit, instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar untuk barangan dan perkhidmatan daripada akaun Semasa atau Simpanan AmBank/AmBank Islamic anda, di tempat jualan runcit dan perkhidmatan yang turut serta. Anda dikehendaki mengekalkan akaun Semasa atau Simpanan AmBank/AmBank Islamic yang dihubungkan dengan Kad Debit kami. Jika anda menutup mana-mana akaun, Kad Debit AmBank anda akan dibatalkan secara automatik.

Manfaat Tambahan:

#### a) Akses Tunai Mudah

Kini anda boleh mengeluarkan wang tunai anda dengan mudah, sama ada dalam atau luar negara, melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM - *Automated Teller Machine*) yang memaparkan logo MEPS, Cirrus atau Mastercard.

#### b) Penerimaan Sedunia untuk Bayaran

Kemudahan untuk membayar barangan atau perkhidmatan di seluruh dunia di kedai saudagar yang memaparkan logo Mastercard atau MyDebit.

#### c) Pembelian Tanpa Sentuh

Pembelian harian dengan mudah hanya menyentuh atau mengimbas Kad Debit AmBank pada pembaca/terminal tanpa sentuh dengan Saudagar. Had Pembelian Tanpa Sentuh ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap hari dengan maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) untuk setiap transaksi, jika anda tidak mahu menggunakan ciri ini atau ingin menetapkan had harian yang lebih rendah, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03-21788888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam)(Nota: Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, Pusat Panggilan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam) atau kunjungi mana-mana cawangan AmBank.

#### d) Promosi dan Diskaun

Nikmati tawaran hebat dan tawaran istimewa dengan Kad Debit AmBank anda di Saudagar AmBank Spot yang mengambil bahagian. Untuk maklumat promosi dan senarai lengkap Saudagar AmBank Spot, sila layari [ambankspot.com](http://ambankspot.com).

### 2. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Penerangan	Bayaran
<p>Yuran Tahunan Kad</p> <p>(a) Kad Debit yang berkaitan dengan Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i, Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i, atau Akaun Simpanan eFlex/Akaun Simpanan eFlex-i sebagai akaun utama.</p> <p>(b) Kad Debit yang dikaitkan dengan Akaun Simpanan/Semasa yang lain kecuali akaun yang disenaraikan di atas sebagai akaun utama</p>	<p>PERCUMA</p> <p>Tahun Pertama: Dikecualikan Tahun kedua dan seterusnya: RM8 setiap kad untuk Debit Mastercard AmBank; atau RM10 setiap kad untuk AmBank Mastercard TRUE by AmBank</p>
Penyata Bulanan Bercetak	RM1 setiap penyata
Pengeluaran Kad dan Peningkatan daripada Kad ATM kepada Kad Debit	RM12 setiap kad untuk Debit Mastercard AmBank; RM10 setiap kad untuk AmBank Mastercard TRUE by AmBank
<p>Yuran Kad Penggantian disebabkan</p> <p>a) Kehilangan/Kecurian/Kerosakan/Terlupa nombor PIN</p> <p>b) CIP rosak/Kad gantian</p>	<p>RM12</p> <p>PERCUMA</p>
<p>Yuran Pengeluaran Tunai</p> <p>a) ATM/ Cawangan AmBank</p> <p>b) Rangkaian MEPS [Shared ATM Network (SAN)]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bank Tempatan/ATMs MEPS</li> <li>- Bank Asing di Malaysia yang merupakan ahli rangkaian MEPS - Bank Asing Perbadanan Tempatan (<i>LIFB - Local Incorporated Foreign Banks</i>)</li> </ul> <p>c) Regional Link - NETS/Artajasa</p> <p>d) Rangkaian CIRRUS/Mastercard</p>	<p>Tiada Yuran</p> <p>RM1 setiap pengeluaran RM1 setiap pengeluaran</p> <p>RM10 setiap pengeluaran RM10 setiap pengeluaran</p>
Yuran Pertukaran Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran ditentukan oleh Mastercard International
Yuran Mendapatkan Semula Draf Jualan	RM10 setiap salinan



### 3. Apakah terma dan syarat utama?

- Bagi transaksi pra-kebenaran seperti pembelian petrol di pam layan diri di luar dan penginapan di hotel, amaun yang dibenarkan akan ditolak daripada akaun berkaitan dan seterusnya diselaraskan sebaik sahaja pelangsaian dibuat untuk amaun sebenar yang digunakan. Amaun pra-kebenaran bagi transaksi pembelian petrol di pam layan diri di luar ialah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) dan tempoh pegangan pra-kebenaran ialah selama tiga (3) hari kalendar dari hari transaksi dibuat. Bagi mengelak jumlah pra-kebenaran dipegang untuk petrol transaksi, anda boleh terus ke juruwang dan memberitahu jumlah isian yang tepat.
  - Hotel - Ketika mendaftar masuk, jumlah pra-kebenaran tetap ditetapkan oleh saudagar akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda. Semasa mendaftar keluar, jumlah pra-kebenaran akan ditolak dan jumlah sebenar akan dicaj.
- Semua transaksi luar negara (termasuk sebarang pengeluaran tunai di ATM dan pembelian di luar Malaysia) atau transaksi tanpa kad (termasuk transaksi dalam talian, transaksi pesanan mel dan pesanan telefon) akan disekat secara automatik melainkan Pemegang Kad telah memilih untuk membuat transaksi luar negara atau tanpa kad.
- Pemegang Kad boleh mengaktifkan kad untuk penggunaan di luar negara atau tanpa kad melalui mana-mana saluran yang berikut:
  - Kemaskini "Debit Card Usage Settings" melalui AmBank AmOnline
  - Hubungi Pusat Panggilan AmBank kami melalui 03-21788888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam)(Nota: Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, Pusat Panggilan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam).
  - Kunjungi mana-mana cawangan AmBank untuk bantuan.
  - Layan diri melalui ATM (untuk penggunaan transaksi luar negara sahaja).

### 4. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan kewajipan saya?

Anda mestilah sentiasa mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan Kad Debit anda. Anda bertanggungjawab untuk melindungi Kad Debit anda dan tidak mendedahkan butiran Kad Debit dan Nombor Pengenalan Peribadi kad anda kepada sesiapa. Anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi tidak sah berasaskan PIN jika anda:

- melakukan penipuan; dan/atau
- gagal memaklumkan kepada Bank dengan segera anda mendapati bahawa Kad Debit anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda; dan/atau
- mendedahkan PIN anda kepada orang lain dengan sengaja PIN anda; dan/atau
- mengkompromikan kerahsiaan PIN anda, contohnya, menulis PIN anda di atas Kad Debit atau apa-apa bahan yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda.

Anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:

- melakukan penipuan; dan/atau
- gagal memaklumkan kepada Bank dengan segera anda mendapati bahawa Kad Debit anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda; dan/atau
- meletakkan Kad Debit tanpa pengawasan sama ada Kad sahaja atau diletakkan di dalam dompet, beg tangan dan sebagainya, di tempat yang mudah dilihat dan di akses oleh orang lain; dan/atau
- membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda dengan sengaja.

### 5. Apakah risiko utamanya?

Sekiranya kad anda dicuri atau hilang, anda dikehendaki memaklumkan kepada Bank dengan segera untuk menyahaktifkan Kad Debit anda. Ini boleh dilakukan dengan menghubungi Pusat Panggilan AmBank kami melalui 03-21788888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam)(Nota: Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, Pusat Panggilan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam) atau kunjungi cawangan kami yang terdekat.

### 6. Apakah risikonya sekiranya saya memilih untuk mengaktifkan kad saya untuk penggunaan Transaksi Tanpa Kad/luar negara?

Apabila transaksi tanpa kad atau luar negara dilakukan, terdapat risiko data pemegang kad dikompromi atau maklumat kad digunakan untuk pembelian tanpa kebenaran dan/atau pengeluaran tunai. Oleh kerana prosedur penerimaan kad di terminal POS (Point-of-Sales) mungkin berlainan dari satu negara ke negara lain, risiko data kad anda dikompromi adalah lebih tinggi di sesetengah negara yang akan mengakibatkan transaksi tanpa kebenaran/penipuan. Sekiranya terdapat transaksi tanpa kebenaran, sila hubungi Pusat Panggilan AmBank kami di talian 03-21788888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam)(Nota: Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, Pusat Panggilan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam).dan pegawai khidmat pelanggan kami akan memberi nasihat untuk langkah-langkah seterusnya.

### 7. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam perincian peribadi anda bagi memastikan semua surat-surat sampai kepada anda tepat pada masanya dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Panggilan AmBank kami melalui 03-2178 8888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam)(Nota: Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan, Pusat Panggilan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam).



**8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat perbankan am, sila rujuk [bankinginfo.com.my](http://bankinginfo.com.my) untuk maklumat lanjut.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk atau untuk memberikan maklum balas/membuat aduan, anda boleh menghubungi kami di:

Laman Sesawang AmBank	<a href="https://www.ambank.com.my/">https://www.ambank.com.my/</a>
Pusat Panggilan AmBank	03-21788888 Emel: <a href="mailto:customercare@ambankgroup.com">customercare@ambankgroup.com</a>
Alamat Surat-Menyurat AmBank	P.O. Box 1261 50784 Kuala Lumpur, Malaysia

Sekiranya jawapan kami terhadap sebarang pertanyaan/aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia	Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-2174 1515 Emel: <a href="mailto:bnmtelevink@bnm.gov.my">bnmtelevink@bnm.gov.my</a>
----------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**9. Info tentang produk Kad Debit sedia ada yang lain:**

Tidak berkenaan

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah pada 15 Jun 2021.

**PERINGATAN:** Pemohon dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Jikalau Pemohon tidak memahami sebarang terma dan syarat yang dinyatakan disini, Pemohon dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan daripada kakitangan Bank atau wakil Bank yang sah.

Saya/Kami dengan sewajarnya mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan memuaskan kepada saya oleh wakil yang diberi kuasa oleh AmBank (M) Berhad.

Tandatangan Pemohon/Penandatangan yang Sah

Nama:

No.KP/Pendaftaran Syarikat:

Tarikh:

**AmBank (M) Berhad (8515-D)**

Ahli Kumpulan AmBank

Ahli PIDM

Hanya bahagian simpanan Semasa dan Simpanan sahaja dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit